

22/06/2003

Pas bukan parti Islam: Mahathir

KUALA LUMPUR: Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, setiap parti politik ada kelemahan dan kesalahannya tetapi apabila sesebuah parti politik itu menggunakan nama Islam, tindak-tanduk pemimpinnya akan turut dikaitkan dengan Islam dan keadaan itu tidak dapat diterima.

"Duri dalam daging bagi orang Melayu adalah parti Pas. Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memperalatkan Islam. Sebab itu Umno mesti tentang orang ini sekuat-kuatnya. Yakinlah kita berjuang untuk yang benar dan mengikut ajaran Islam," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno ke-54 semalam.

Lebih separuh atau kira-kira 40 minit daripada ucapan selama 70 minit itu, digunakan oleh Dr Mahathir untuk mengkritik kepemimpinan Pas serta tindak-tanduk pemimpin parti terbabit yang dianggapnya sudah jauh lari daripada perjuangan pemimpin awal mereka sebelum ini.

Beliau sedih kerana pengikut Pas terpesong dengan ajaran Islam parti itu sehingga menghina agama sendiri di samping menyamakan tuhan sebagai samseng seperti diperkatakan oleh Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Katanya, Islam mahukan keadilan tetapi hukum hudud yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang di Terengganu jelas bertentangan.

"Apakah undang-undang Islam itu akan menentukan ketidakadilan berlaku. Hudud Pas Terengganu misalnya dipinda beberapa kali. Bolehkah pinda hukum Tuhan?...tak boleh, ini hukum Pas dan Haji Hadi yang jahil ajaran Islam. Sebab itu Umno mesti tentang orang ini sekuat-kuatnya.

"Kita adalah pelindung dan pemelihara agama Islam di Malaysia ini walaupun tidak ada nama Islam pada (ejaan) Umno. Pas menggunakan nama Islam, memperalatkan Islam sehingga menghina Islam. Namun mereka masih dianggap parti Islam dan dianggap parti Islam oleh orang Islam.

"Pemimpin Pas sekarang sudah lari jauh daripada pemimpin Pas terdahulu. Kejahilan mereka jelas sekali sehingga tuhan dikatakan mencarut, samseng. Pengikut Pas dengan buta tuli sokong Nik Aziz yang kata tuhan mencarut. Memang ada tafsiran yang tak betul yang perlu kita kaji kerana agama Islam adalah agama sepanjang zaman," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno akan terus berusaha untuk memperkuatkan kedudukan umat Islam di negara ini dan mengingatkan ahli Umno supaya menumpukan kepada masalah yang dihadapi daripada parti lawan termasuk Pas yang harus ditentang sekuat-kuatnya.

Beliau bagaimanapun gembira kerana perbahasan pada perhimpunan kali lebih matang dengan kebanyakan kritikan dilemparkan berbentuk membina bagi memperbetulkan segala kelemahan tetapi kritikan keterlaluan perlu dielak supaya tidak dijadikan senjata oleh parti lawan menghentam Umno.

(END)